

10 MAR 1999

Sabah-Mahathir (Peruntukan)

TIADA PERUNTUKAN BESAR KEPADA KERAJAAN DIPERINTAH PEMBANGKANG

KOTA KINABALU, 10 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Kerajaan Persekutuan hanya boleh memberi peruntukan yang besar jika sesebuah negeri diperintah oleh kerajaan Barisan Nasional (BN).

Kerajaan Persekutuan tidak boleh bersikap terlalu pemurah kepada kerajaan negeri yang diperintah oleh pembangkang kerana ia hanya boleh menyediakan peruntukan mengikut apa yang termaktub dalam perlembagaan, kata beliau.

"Datuk Harris Salleh (pemangku presiden Bersekutu) berkata adalah tidak adil bagi kerajaan Persekutuan tidak memberi bantuan kepada kerajaan Sabah yang diperintah oleh parti pembangkang.

"Itu pandangan dia... kita akan menyokong mana-mana kerajaan di Sabah mengikut undang-undang. Kita akan membantu setakat yang ditetapkan oleh undang-undang. Kita tidak perlu memberi melebihi apa yang ditetapkan di bawah undang-undang," kata beliau.

Dr Mahathir berucap pada majlis jamuan oleh Dewan Perniagaan dan Perindustrian Tionghua Penampang di sini malam ini.

Beliau berkata kerajaan Persekutuan hanya boleh memberi bantuan kepada kerajaan negeri yang menjalin kerjasama rapat dengan kerajaan pusat dan kerajaan negeri yang boleh bekerjasama dengan kita hendaklah dari BN."

"Kita bukan berlaku tidak adil... kita bersikap lebih adil daripada mereka (pembangkang) tetapi kita tidak boleh bersikap terlalu pemurah. Kita boleh bersikap pemurah kepada kerajaan BN di Sabah dan itu saya boleh memberi jaminan," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir juga berkata Sabah memerlukan peruntukan yang besar kerana kerajaan Persekutuan perlu membangunkan semula Sabah selepas berada di bawah perintahan parti pembangkang.

"Kerajaan-kerajaan sebelumnya termasuk Parti Bersatu Sabah dan Berjaya...mereka telah mengambil semua kekayaan Sabah terutama PBS yang telah memotong lebih banyak pokok daripada yang disangkakan. Jadi, tidak ada lagi kekayaan di Sabah," kata beliau.

Dr Mahathir menggesa penduduk Sabah menyokong BN sambil berkata PBS dan Bersekutu tidak mampu untuk membangunkan Sabah.

"Kita tahu bahawa PBS tidak mampu untuk mentadbirkan Sabah. Ia cuma hendak memegang jawatan kerana para pemimpin mahukan kuasa dan mendapat beberapa faedah. Begitu juga dengan Harris yang menubuhkan parti apabila tiba pilihan raya dan bukan untuk berkhidmat kepada rakyat," kata beliau.

Dr Mahathir juga menyentuh tentang perlunya rakyat menyokong penuh kerajaan untuk membolehkannya melaksanakan pelbagai langkah bagi memulihkan ekonomi negara.

Beliau menarik perhatian kepada kejayaan menstabilkan ringgit dan usaha kerajaan untuk menetapkan kadar faedah yang sesuai untuk iklam perniagaan di negara ini sambil berkata kerajaan mampu melakukannya jika mendapat sokongan penuh rakyat.

"Lihatlah, jika rakyat menyokong kerajaan, kerajaan bertambah kuat dan oleh kerana kerajaan kuat, ia dapat melakukan perkara-perkara untuk kebaikan rakyat," kata beliau.

Beliau juga yakin bahawa masyarakat Cina akan memberi sokongan penuh kepada BN pada pilihan raya Sabah Jumaat dan Sabtu ini kerana mereka tidak rela diperintah oleh pembangkang.

"(Ketua Menteri) Tan Sri Bernard Dompok berkata beliau berada dalam kerajaan pembangkang sebelumnya tetapi beliau menyedari bahawa pembangkang

tidak mampu membangunkan Sabah kerana ia tidak mendapat bantuan daripada kerajaan Pusat.

"Justeru itu, beliau meninggalkan PBS untuk menyertai BN dan beliau sekarang Ketua Menteri dan dapat melakukan perkara bukan sahaja untuk masyarakatnya tetapi juga kaum lain," kata beliau.

Dompok sebelum itu dalam ucapan menarik perhatian kepada pengalamannya menyandang pelbagai jawatan di bawah kerajaan PBS dan memberitahu tentang kesulitan untuk melaksanakannya walau baik sekali pun hasrat itu.

Perdan Menteri juga meminta penduduk menyokong Dompok, yang juga calon Bn bagi Moyog memandangkan telah terbukti dalam BN bahawa beliau seorang pemimpin yang boleh dipercayai.

"Jika BN tidak menaruh kepercayaan kepada Dompok, kita mungkin telah mengadakan pilihan raya apabila beliau belum menjadi Ketua Menteri. Begitulah kepercayaan kita kepada Tan Sri Bernard Dompok sebagai pemimpin masyarakat Kadazandusun.

"Kita memerlukannya... justeru itu, saya berharap masyarakat Cina akan menyokongnya sebagai pemimpin BN, pemimpin bagi semua kaum dan tidak mengangap beliau hanya sebagai pemimpin Kadazandusun," kata beliau.

-- BERNAMA

JS FAZ